



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2021**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2021

PRINSIP PERAKAUNAN

KERTAS 1

NOVEMBER 2021

3756/1

1 ¼ jam

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Kertas soalan ini mengandungi **40** soalan.
2. Jawab **semua** soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C dan D**.
4. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.

Kertas soalan ini mengandungi 18 halaman bercetak termasuk muka hadapan.

- 1 P ialah badan perakaunan yang mengubal dan menerbitkan piawaian perakaunan.

Apakah P?

- A Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- B Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)
- C Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA)
- D Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)

- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan suatu ciri kualitatif penyata kewangan.

Maklumat kewangan menjadi lebih relevan kepada pengguna apabila maklumat tersebut disampaikan tepat pada masanya

Apakah ciri tersebut?

- A Pemasaan
- B Kerelevanan
- C Kebolehfahaman
- D Kebolehbandingan

- 3 Ferhat seorang peniaga telah merekodkan perabot peribadi yang telah dibawa masuk ke dalam perniagaan sebagai modal tambahan.

Apakah andaian perakaunan yang diamalkan oleh Ferhat?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Entiti berasingan
- D Usaha berterusan

- 4 Manakah ciri yang **betul** bagi Kedai Dobi Rohana dan Sharifah?

- A Cukai pendapatan dikenakan ke atas syarikat
- B Keuntungan diagihkan dalam bentuk dividen
- C Sumber modalnya daripada jualan syer
- D Liabiliti pemilik tidak terhad

5 Apakah item yang akan menambahkan kos belian?

- I Diskaun diterima
- II Upah atas belian
- III Pulangan belian
- IV Duti import

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

6 Apakah hasil operasi bagi Perniagaan Alatan Pejabat Sulaimi?

- A Sewa diterima
- B Dividen pelaburan
- C Untung jualan van terpakai
- D Jualan komputer dan mesin pencetak

7 Urus niaga berikut diperoleh daripada Abbad Enterprise.

Abbad Enterprise telah menerima cek bernilai RM4 050 daripada Perniagaan Amirul bagi menyelesaikan hutang berjumlah RM4 500

Apakah kesan urus niaga tersebut terhadap persamaan perakaunan?

	Bank	Akaun Belum Terima	Modal
A	Bertambah RM4 500	Berkurang RM4 050	Berkurang RM450
B	Berkurang RM4 500	Bertambah RM4 050	Bertambah RM450
C	Bertambah RM4 050	Berkurang RM4 500	Berkurang RM450
D	Berkurang RM4 050	Bertambah RM4 500	Bertambah RM450

8 Antara berikut, manakah catatan kontra yang mengurangkan akaun berkaitan dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?

- I Ambilan
- II Pulangan keluar
- III Pulangan masuk
- IV Peruntukan hutang ragu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 9 Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Kek Mawar.

Hasil jualan tunai kek bagi minggu pertama bulan April 2021 telah didepositkan ke dalam bank menggunakan mesin deposit tunai

Apakah dokumen yang diterima oleh Kedai Kek Mawar?

- A Slip bank
 - B Slip daftar tunai
 - C Slip urus niaga atas talian
 - D Slip transaksi perbankan elektronik
- 10 Apakah sebab nota debit dikeluarkan kepada pelanggan?
- A Barang rosak
 - B Kesilapan harga
 - C Kesilapan jenama
 - D Pemulangan bekas kosong
- 11 **Dokumen 1** diperolehi daripada Kedai Hazim.

MEMO Kedai Hazim No. 2 Jalan Genting 13/KU4 42100 Klang, Selangor 03-3377 2345 Tarikh: 18 Mei 2021 Kepada: Pengurus Akaun Rekodkan cek daripada Amin Trading berjumlah RM850 (No. Cek MBC113245) yang dipulangkan oleh pihak bank dengan perkataan Rujuk Kepada Penyuruh Bayar. <i>Hazim</i> _____ (Pengurus)

Dokumen 1

Manakah catatan yang betul dalam Buku Tunai?

- A Debit ruangan bank RM850
- B Debit ruangan tunai RM850
- C Kredit ruangan bank RM850
- D Kredit ruangan tunai RM850

- 12 Manakah catatan bergu yang **betul** untuk merekod pulangan jualan daripada seorang pelanggan?

A	Akaun Jualan	
	RM	
	Pulangan jualan	50
	Akaun Pulangan Jualan	
		RM
	Jualan	50
B	Akaun Jualan	
		RM
	Pulangan jualan	50
	Akaun Pulangan Jualan	
	RM	
	Jualan	50
C	Akaun Belum Terima	
	RM	
	Pulangan jualan	50
	Akaun Pulangan Jualan	
		RM
	Akaun Belum Terima	50
D	Akaun Belum Terima	
		RM
	Pulangan jualan	50
	Akaun Pulangan Jualan	
	RM	
	Akaun Belum Terima	50

- 13 Apakah sistem yang digunakan untuk menguruskan dana yang diperuntukkan pada awal bulan bagi membayar belanja kecil?
- A Sistem Dana
 - B Sistem Tunai
 - C Sistem Panjar
 - D Sistem Belanja
- 14 Manakah **benar** tentang peraturan merekod urus niaga ke dalam lejar?
- A Ambilan didebitkan apabila bertambah
 - B Pulangan belian didebitkan apabila bertambah
 - C Susut nilai terkumpul didebitkan apabila bertambah
 - D Peruntukan hutang ragu didebitkan apabila bertambah
- 15 Maklumat berikut diperolehi dari buku Perniagaan Ainur Yasmin pada 31 Julai 2021.

Akaun Belum Bayar					
2021			2021		
		RM			RM
Jul. 31	Bank	13 540	Jul. 1	Baki b/b	3 890
	Kontra	530	31	Belian	27 170
	Diskaun diterima	2 820		Q	2 170
	Baki h/b	16 340			
		33 230			33 230

Apakah **Q**?

- A Tunai
- B Pulangan keluar
- C Angkutan keluar
- D Angkutan masuk

16 Catatan Imbangan Duga yang manakah **benar**?

A	Imbangan Duga pada 31 Ogos 2021 (Petikan)		
		Debit	Kredit
		RM	RM
	Faedah simpanan		650
	Kenderaan	80 000	
B	Imbangan Duga pada 31 Ogos 2021 (Petikan)		
		Debit	Kredit
		RM	RM
	Ambilan		1 500
	Belian	8 000	
C	Imbangan Duga pada 31 Ogos 2021 (Petikan)		
		Debit	Kredit
		RM	RM
	Akaun Belum Terima		5 500
	Sewa belum terperoleh	1 800	
D	Imbangan Duga pada 31 Ogos 2021 (Petikan)		
		Debit	Kredit
		RM	RM
	Promosi		500
	Pulangan keluar	800	

17 Berikut adalah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik bagi Perniagaan Sri Medan pada 31 Disember 2020.

	RM
Overdraf bank	8 000
Lengkapan	23 000
Akaun Belum Terima	2 500
Akaun Belum Bayar	2 600
Inventori pada 31 Disember 2020	1 800
Tunai runcit	250
Simpanan tetap (tempoh matang 18 bulan)	10 000

Berapakah modal kerja?

- A RM26 950
- B RM3 950
- C RM(5 850)
- D RM(6 050)

- 18 Darwish seorang peniaga menunjukkan Akaun Untung Rugi yang telah disediakan seperti di bawah.

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2021

	RM		RM
Diskaun diberi	150	Rugi kasar	2 800
Sewa dibayar	300	Faedah simpanan	260
Hutang lapuk pulih	320		
Alat tulis	100		
Kadar bayaran	540		
Gaji	1 500		
Untung bersih	150		
	<u>3 060</u>		<u>3 060</u>

Sebagai seorang pelajar yang telah mempelajari Prinsip Perakaunan, anda diminta menasihati Darwish tentang penyediaan Akaun Untung Rugi di atas.

Apakah dua butiran yang tersalah catat dalam Akaun Untung Rugi?

- A Diskaun diberi dan gaji
- B Sewa dibayar dan alat tulis
- C Hutang lapuk pulih dan rugi kasar
- D Kadar bayaran dan faedah simpanan

- 19 Pada 31 Mei 2021, inventori akhir Perniagaan Niky dinilai sebanyak RM9 200 pada harga kos dan RM10 400 pada harga pasaran.

Berapakah nilai inventori akhir yang akan dicatatkan dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan?

	Akaun Perdagangan dan Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	RM9 200	RM9 200
B	RM9 200	RM10 400
C	RM10 400	RM9 200
D	RM10 400	RM10 400

20 Maklumat berikut diperoleh daripada perniagaan Robert.

- Insurans tahunan ialah RM1 560
- Insurans yang telah dibayar sepanjang tahun 2020 ialah RM1 400
- Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember 2020

Berapakah jumlah insurans yang akan dicatat dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?

- A RM160
- B RM1 400
- C RM1 560
- D RM2 960

21 Komputer mempunyai penyusutan nilai yang tinggi setiap tahun. Antara berikut, apakah punca utama sebuah komputer mengalami penyusutan nilai?

- I Keusangan
- II Harga pasaran
- III Perubahan teknologi
- IV Mempunyai nilai ekonomi

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

22 Pada 1 Januari 2019, sebuah mesin telah dibeli oleh Trust Enterprise pada harga RM12 000. Mesin itu disusut nilai sebanyak 10% mengikut kaedah baki berkurangan.

Berapakah susut nilai mesin yang akan direkodkan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020?

- A RM1 080
- B RM1 200
- C RM2 280
- D RM2 400

23 Maklumat berikut diambil daripada Azza Enterprise pada 31 Disember 2020.

	RM
Gaji belum bayar	1 500
Komisen diterima	800
Sewa belum terima	500
Gaji	5 000

Manakah catatan yang **betul** dalam Imbangan Duga Terselaras?

A Imbangan Duga pada 31 Disember 2020 (Petikan)

	RM		RM
Gaji	5 000	Gaji belum bayar	1 500
Komisen diterima	800	Sewa belum terima	500

B Imbangan Duga pada 31 Disember 2020 (Petikan)

	RM		RM
Gaji belum bayar	1 500	Gaji	5 000
Sewa belum terima	500	Komisen diterima	800

C Imbangan Duga pada 31 Disember 2020 (Petikan)

	RM		RM
Gaji belum bayar	1 500	Komisen diterima	800
Gaji	5 000	Sewa belum terima	500

D Imbangan Duga pada 31 Disember 2020 (Petikan)

	RM		RM
Gaji	5 000	Gaji belum bayar	1 500
Sewa belum terima	500	Komisen diterima	800

- 24 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Dalgona.

Imbangan Duga pada 31 Januari 2021 (Petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Bank		6 700
Belian	12 750	
Ambilan	1 060	
Kadar bayaran	1 200	

Maklumat Tambahan:

- Ambilan barang niaga RM50 tidak direkod dalam mana-mana buku.
- Membayar bil unifi sebanyak RM150 dengan cek telah didebitkan dalam Akaun Bank dan dikreditkan dalam Akaun Kadar bayaran

Apakah jenis kesilapan tersebut?

	Kesilapan (i)	Kesilapan (ii)
A	Kesilapan ketinggalan satu catatan	Kesilapan songsang
B	Kesilapan ketinggalan satu catatan	Kesilapan prinsip
C	Kesilapan ketinggalan satu urus niaga	Kesilapan songsang
D	Kesilapan ketinggalan satu urus niaga	Kesilapan prinsip

- 25 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Kedai Kek Caramel.

	RM
Untung kasar	11 500
Belanja perniagaan	5 100
Margin untung bersih	25%

Berapakah jualan bersih?

- RM20 400
- RM25 600
- RM46 000
- RM66 400

- 26 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Fatima.

Imbangan Duga pada 28 Februari 2021 (Petikan)

	Debit	Kredit
	RM	RM
Bank		8 500
Insurans	1 200	

Maklumat tambahan:

Membayar premium insurans sebanyak RM960 dengan cek telah didebitkan dalam Akaun Bank dan dikreditkan dalam Akaun Insurans.

Manakah Penyata Kewangan yang **betul** setelah kesilapan dibetulkan?

A

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2021 (Petikan)	
	RM
Insurans	2 160
Penyata Kedudukan Kewangan pada 28 Februari 2021 (Petikan)	
Liabiliti Semasa	RM
Bank	9 460

B

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2021 (Petikan)	
	RM
Insurans	240
Penyata Kedudukan Kewangan pada 28 Februari 2021 (Petikan)	
Liabiliti Semasa	RM
Bank	7 540

C

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2021 (Petikan)	
	RM
Insurans	3 120
Penyata Kedudukan Kewangan pada 28 Februari 2021 (Petikan)	
Liabiliti Semasa	RM
Bank	10 420

D

Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2021 (Petikan)	
	RM
Insurans	3 120
Penyata Kedudukan Kewangan pada 28 Februari 2021 (Petikan)	
Liabiliti Semasa	RM
Bank	6 580

27 Antara berikut, manakah situasi yang menunjukkan peniaga mengamalkan rekod tak lengkap?

- I Deposit tunai tidak direkodkan dalam buku perakaunan
- II Peniaga Bakar merekodkan belian kredit di Jurnal Belian dan mengepos ke lejar
- III Peniaga Chong merekodkan bayaran promosi ke dalam Akaun Tunai sahaja
- IV Peniaga Siti merekodkanambilan barang untuk kegunaan peribadi ke dalam Akaun Ambilan dan Akaun Belian

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

28 Maklumat berikut diperoleh daripada Kedai Frapuccino.

	RM
Modal pada 1 Mac 2020	17 880
Modal pada 28 Februari 2021	40 600

Sepanjang tempoh perakaunan, pemilik Kedai Frapuccino telah mengambil tunai perniagaan sebanyak RM275 sebulan dan inventori perniagaan bernilai RM850 untuk kegunaan peribadi. Beliau juga telah mendepositkan tunai peribadi sebanyak RM8 000 ke dalam Akaun Bank perniagaan.

Berapakah untung atau rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2021?

- A Rugi bersih RM26 570
- B Rugi bersih RM29 595
- C Untung bersih RM15 845
- D Untung bersih RM18 870

29 Burger Mukmin bercadang untuk memohon pinjaman bank pada bulan April 2021 berjumlah RM30 000 dengan kadar faedah 5% setahun dan tempoh matang pinjaman tersebut adalah selama 2 tahun.

Berapakah bayaran ansuran pinjaman berserta faedah atas pinjaman untuk sebulan yang perlu dijelaskan jika pinjaman tersebut perlu dibayar pada bulan Mei 2021?

- A RM1 250
- B RM1 375
- C RM1 500
- D RM2 750

- 30 Maklumat berikut diperoleh daripada Penyata Penyesuaian Bank Perniagaan Barista pada 31 Mac 2021.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2021		
	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai		24 600
Tambah: Cek belum dikemukakan	3 980	
R	960	4 940
		<u>29 540</u>
 Tolak: Deposit belum dikreditkan		 (2 600)
Baki kredit di Penyata Bank		<u>26 940</u>

Apakah R?

- A Buku cek
 - B Cek tak laku
 - C Pindahan kredit
 - D Perintah sedia ada
- 31 Manakah **benar** berkaitan Kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961?
- A Faedah tidak dibayar atas modal pekongsi
 - B Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah modal
 - C Faedah atas pinjaman setahun dibayar 5% atas nilai pinjaman pekongsi
 - D Faedah atas ambilan dikenakan kepada pekongsi yang membuat ambilan
- 32 Antara berikut, manakah item dalam Ekuiti Pemilik bagi perniagaan perkongsian?
- I Ambilan
 - II Untung Bersih
 - III Akaun Modal Pekongsi
 - IV Akaun Semasa Pekongsi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 33 Kamal membayar hutangnya dengan cek RM4 350 untuk menjelaskan hutang RM4 500.

Manakah catatan yang **betul** bagi merekod diskaun diterima semasa pembubaran perkongsian?

A

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Bayar	150	
Diskaun diterima		150

B

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Realisasi	150	
Akaun Belum Bayar		150

C

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Bank	150	
Realisasi		150

D

Jurnal Am

Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
Akaun Belum Bayar	150	
Realisasi		150

- 34 Kelab Komputer mendapat dana tambahan untuk membeli 12 buah komputer riba bagi kegunaan ahli-ahlinya.

Perkara ini akan direkodkan sebagai ...

- A Pendapatan hasil
- B Pendapatan modal
- C Perbelanjaan hasil
- D Perbelanjaan modal

- 35 Manakah pernyataan yang **benar** tentang ciri-ciri Syarikat Awam Berhad?

- A Bilangan ahli maksimum 50 orang
- B Bilangan pengarah minimum 2 orang
- C Penyata kewangan perlu diedarkan kepada pemegang syer
- D Syer tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan daripada pemegang syer yang lain

- 36 Pada 1 April 2020, Syarikat Megah Holding Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer dan 500 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer. Pada 10 Jun 2020, syarikat membuat terbitan syer kali kedua iaitu dengan menerbitkan 800 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer tersebut telah dilanggan dan berbayar penuh.

Manakah catatan yang **betul** dalam Ekuiti Pemilik?

A

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2021 (Petikan)	
Ekuiti Pemilik	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh:	
500 000 unit 8% Syer Keutamaan	1 000 000
800 000 unit 6% Syer Keutamaan	800 000
1 000 000 unit Syer Biasa	1 000 000
	<u>2 800 000</u>

B

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2021 (Petikan)	
Ekuiti Pemilik	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh:	
1 300 000 unit Syer Keutamaan	1 800 000
1 000 000 unit Syer Biasa	1 000 000
	<u>2 800 000</u>

C

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2021 (Petikan)	
Ekuiti Pemilik	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh:	
500 000 unit Syer Keutamaan	1 000 000
800 000 unit Syer Keutamaan	800 000
1 000 000 unit Syer Biasa	1 000 000
	<u>2 800 000</u>

D

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2021 (Petikan)	
Ekuiti Pemilik	RM
Modal diterbitkan dan berbayar penuh:	
500 000 unit 6% Syer Keutamaan	1 000 000
800 000 unit 8% Syer Keutamaan	800 000
1 000 000 unit Syer Biasa	1 000 000
	<u>2 800 000</u>

- 37 Manakah merupakan kos overhead bagi Kilang Kasut Hilman?

- A Gaji kerani akaun
- B Gaji pengurus kilang
- C Gaji penyelia pejabat
- D Gaji operator pengeluaran

- 38 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Membaca Pintar yang menjalankan aktiviti berbentuk pertandingan dan perkhidmatan kafetaria untuk ahli-ahlinya.

Kelab Membaca Pintar			
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 April 2021			
	RM		RM
Utiliti	500	Yuran ahli	17 060
Sewa	2 400	S	1 640
Lawatan	1 860		

Apakah S?


- A Untung kafetaria
 - B Hadiah dan piala
 - C Honorarium
 - D Lebihan
- 39 Maklumat berikut diperolehi daripada Kosmetik Bonda Za.

	RM
Bahan langsung	172 514
Upah buruh langsung	54 000
Cap dagangan	11 630
Lain-lain overhead	37 800
Kerja dalam proses awal	18 400
Kerja dalam proses akhir	19 100

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM313 444
- B RM276 644
- C RM275 944
- D RM275 244

- 40 Graf titik pulang modal berikut diperoleh daripada sebuah kilang air minuman.



Berapakah kos tetap pada tingkat pengeluaran 8 000 botol?

- A RM50 000
- B RM75 000
- C RM85 000
- D RM98 000

- KERTAS SOALAN TAMAT -